

STUDENT TOOL GUIDE: TOURISM PROJECT FOR POLYTECHNIC

Mazlina Jamaludin

Politeknik Sultan Idris Shah

(Email:mazlinajamaludin1973@gmail.com)

Afandi Fikri

Politeknik Hulu Terengganu.

ABSTRAK

Pensyarah telah membangunkan aplikasi pembelajaran online bagi kursus DTM 6024 bagi tujuan untuk membantu pembelajaran pelajar secara sendiri. Penilaian keatas pelajar semester 5 di politeknik hulu terengganu telah dibuat bertujuan untuk mengukur keberkesanan aplikasi yang telah dibina untuk peningkatan pembelajaran pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, bagi politeknik Malaysia. Analisa ujian-t telah menunjukkan bahawa pelajar dalam kumpulan eksperimen telah menunjukkan sikap yang positif keatas aplikasi ini berbanding kumpulan kawalan.

KATA KUNCI: *Maksimum 5 perkataan sahaja*

1. PENGENALAN


Pembelajaran tradisional menggunakan pen, pensel, marker, papan putih, papan hitam adalah peralatan yang amat membosankan kepada pelajar kerana kurang daya penarikan. Maka pendekatan peralatan baru yang lebih menjuruskan kepada media sosial, gajet, dan interaktif lebih diminati berbanding peralatan pengajaran yang statik. Pelajar Politeknik kini adalah generasi milinia yang mengutamakan komunikasi interaktif dan aktif dalam media sosial. Oleh itu, satu perubahan anjakan minda dan anjakan peralatan pembelajaran perlu dibuat bagi mengekalkan kerelevanan minat pembelajaran didalam kelas dan luar kelas (Kotter, 2007). Kajian ini ingin mengetengahkan produk pembelajaran secara dalam talian bagi tujuan pembelajaran agar pelajar lebih selesa dan aktif bagi melibatkan diri bersama pensyarah.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 Teori Perubahan

Projek ini mengguna pakai teori perubahan (Theory of Change) yang diasaskan untuk menerangkan bagaimana set intervensi digunakan untuk mengubah persekitaran pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar DUP yang rata-ratanya berada dalam golongan generasi milinia. Teori ini digunakan sebagai rangka kajian pembelajaran bagi menggabungkan sumber dan persekitaran yang wujud melalui mekanisma yang dibangunkan untuk dimaksimakan bagi mencapai matlamat akhir yang dijangkakan (Guijt, 2013). Teori ini membantu inovasi pembelajaran ini dalam melaksanakan tindakan penyelesaian yang sistematik yang bagi masalah yang kompleks dalam mencapai perubahan pembangunan yang lebih bermanfaat kepada pensyarah dan pelajar (Kusters et al, 2017). Merujuk kepada teori ini, enam fasa: 1) kenal pasti tujuan teori perubahan; 2) membangunkan misi dan kenalpasti keperluan

perubahan; 3) kenalpasti domain perubahan; 4) kenalpasti strategi keutamaan; 5) membangunkan perjalanan kepada perubahan; 6) semak dan penyesuaian terhadap teori perubahan (Van Es et al., 2015). Berdasarkan enam proses untuk mencapai matlamat kajian yang telah ditetapkan, kerangka kajian inovasi ini telah dibangunkan (gambarajah 1).



Gambarajah 1 : Inovasi produk pembelajaran berdasarkan teori perubahan

2.2 Pernyataan Masalah

Pelajar-pelajar jurusan Pelancongan telah mengalami masalah penulisan kertas kajian dan pembangunan inovasi yang lemah disebabkan pelajar jurusan pelancongan tidak mengikuti kursus metodologi projek/case study/inovasi sebagai asas pengetahuan. Ini menyebabkan penulisan pelajar tidak tersusun, lemah kualiti penulisan dan kurang memberikan impak kepada pembangunan inovasi. Oleh itu ia menjadi satu kesukaran kepada pelajar dalam mengemukakan pelaporan bertulis yang berkualiti dan sistematik mengikut jadual yang telah ditetapkan dan mengikut skema pemarkahan yang telah ditetapkan.

2.3 Kepentingan Kajian

Meningkatkan penguasaan pelajar terhadap kajian penyelidikan dan mencungkil kreativiti dalam pembangunan produk inovasi pelancongan bagi pelajar politeknik.

2.4 Objektif Kajian

Meningkatkan minat dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran Projek Pelancongan (DTM 6024).

3. METODOLOGI KAJIAN

Produk yang berasaskan aplikasi sesawang telah dibangunkan untuk tujuan PdP. Produk inovasi ini telah dimuat naik dalam 'google play platform'. Pelajar boleh mencapai produk inovasi melalui muat turun aplikasi: tourism project for polytechnic menggunakan talifon bimbit Android. Produk inovasi ini dibangunkan berdasarkan maklumbalas daripada panel penilai, pensyarah penyelaras dan pensyarah pengajar yang telah menilai projek pelajar selama beberapa semester. Ianya dibangunkan bagi membantu pelajar dalam membuat penulisan yang lebih berkualiti bagi memenuhi kriteria kurikulum yang telah dibangunkan. Ia juga bertujuan

membantu pensyarah dalam meningkatkan kualiti pengajaran memandangkan kurikulum DTM 6024 terlalu ringkas dan terbuka agar pensyarah berupaya mengupas kurikulum yang dibekalkan dengan lebih kreatif.

4. ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Pelajar program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) di Politeknik Hulu Terengganu (PHT) telah dijadikan sample kajian. Seramai 30 orang. Data telah dikutip pada 7 Januari 2019 dan sekali lagi pada 20 Februari 2019. *Post-test* telah dijalankan sebelum pelajar mengunapakai “*web application*” tersebut. Dapatan kajian daripada ujian T telah menunjukkan bahawa pelajar yang telah menggunakan platform pembelajaran secara atas talian yang telah dibangunkan menggunakan aplikasi DTM 6024 lebih berminat terhadap kursus DTM6024, berbanding kumpulan kawalan (jadual 1) dengan nilai $t = 2.01$. Pelajar juga telah menunjukkan minat yang lebih positif dalam melibatkan diri untuk membina produk inovasi dan membuat laporan penulisan.

Jadual 1. Perbandingan pelajar sebelum dan selepas kajian

		Kumpulan Kawalan	Kumpulan Experiment	Nilai-t
Pre-test	Min	3.14	3.11	-0.20
	SD	0.51	0.49	
Post Test	Min	3.19	3.78	2.01*
	SD	0.33	0.40	
Min Sikap	Min	0.06	0.67	

5. KESIMPULAN

Platform ini berjaya memudahkan pensyarah mengajar projek pelancongan dengan lebih sistematik. Produk ini mampu untuk memberikan ruang untuk pelajar mencari maklumat asas agar lebih bersedia sebelum pensyarah memulakan kelas pengajaran. Ini kerana terlalu banyak maklumat ingin disampaikan dan dikongsikan oleh pensyarah kepada pelajar. Namun, disebabkan kekangan masa dan ruang yang terhad, aplikasi ini mampu untuk membuka mata pelajar sebagai ruang persediaan awal sebelum semester bermula.

RUJUKAN

- Guijt, I. (2013). *ToC Reflection Notes 3: Working with Assumptions in a Theory of Change Process*.
- Kotter, J.P. (2007). ‘Leading change: Why transformation efforts fail’, *Harvard Business Review*.
- Kusters, C.S.L. et al (2017). *Managing for Sustainable Development Impact: an Integrated Approach to Planning, Monitoring and Evaluation*. Wageningen, Wageningen Centre for Development Innovation, Wageningen University & Research, and Rugby, UK: Practical Action Publishing.
- Van Es, M., Guijt, I., and Vogel, I. (2015) *Hivos ToC Guidelines: Theory of Change Thinking in Practice - A Stepwise Approach*, Hivos, The Hague.

BIBLIOGRAFI PENULIS-PENULIS

Mazlina Jamaludin adalah pensyarah kanan di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Sultan Idris Shah. Beliau telah berkhidmat selama 20 di beberapa buat politeknik. **Afandi Fikri** adalah pensyarah kanan dan ketua jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Hulu Terengganu. Beliau telah berkhidmat di beberapa buat politeknik sebelum ke PHT.